

Eversendai runding dapat kontrak kerja keluli MRT

Eversendai Corporation Bhd sedang berunding dengan syarikat yang mendapat kontrak pembinaan My Rapid Transit (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang bagi menawarkannya kerja keluli yang diperoleh daripada projek rel bernilai RM30 bilion itu.

Pengasas dan Pengerusi, Datuk A K Nathan, berkata wujud peluang yang besar bagi syarikat fabrikasi keluli itu kerana kebanyakan stesen MRT dan depot akan dibina menggunakan keluli.

"Kami berasa positif prospek itu. Kami melihat peluang besar dalam skop keluli struktur," katanya.

Lengkapi sasaran

Nathan berkata, MRT, projek infrastruktur terbesar Malaysia, akan melengkapi sasaran Eversendai untuk meningkatkan sumbangan bahagian perniagaan di Malaysia terhadap perolehan keseluruhan kumpulan itu.

"Kini, sumbangan perniagaan di Malaysia adalah kira-kira 6.3 peratus. Tahun ini, kami menjang-



A K Nathan

ka mencecah 8.0 peratus daripada perolehan kami.

"Kami menetapkan sasaran mencapai sekurang-kurangnya 12 hingga 15 peratus pada tahun depan. Projek MRT itu akan memainkan peranan yang besar mencapai sasaran itu, jika kami dapat sesetengah kontrak itu," katanya.

Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang, laluan rel pertama daripada tiga yang dicadangkan, adalah sepanjang 51 kilometer (km) dan mempunyai 31 stesen.

Projek itu dibahagikan kepada 85 pakej kerja dan 40 tender sudah diberikan.

Projek lain

Selain MRT, anak syarikatnya, Shineversendai Engineering (M) Sdn Bhd, telah

dilantik sebagai pembekal projek pengagihan bijih besi di Teluk Rubiah, Manjung, Perak, yang bernilai RM45.9 juta.

Baru-baru ini, syarikat itu dilantik sebagai subkontraktor utama bagi fabrikasi dan pemasangan struktur keluli bagi projek polihablur silikon Tokuyama Malaysia bernilai RM37.1 juta di Bintulu, Sarawak.

Selain membida projek baharu yang berkaitan perniagaan teras Eversendai, kontraktor pakar keluli struktur dan loji kuasa itu juga menjadi kontraktor utama bagi menara tinggi menggunakan struktur komposit di Malaysia.

"Kami sudah mewujudkan peluang perniagaan baharu bagi kumpulan itu dengan membawa masuk inovasi menggunakan struktur komposit bagi bangunan tinggi.

"Eversendai sudah berbincang dengan beberapa pemaju tempatan yang menunjukkan minat untuk menggunakan kaedah pembinaan inovasi sedemikian," katanya.

BERNAMA